

## ***Ulasan Kes***

**Poligami dan Kebebasan Beragama di Bawah  
Perlembagaan Persekutuan**  
**Zakaria Abdul Rahman lwn Ketua Polis Negara Malaysia**  
***dll.*<sup>1</sup>**

**Abdul Aziz Bari**

### **Pengenalan**

Kes yang diputuskan oleh Arifin Zakaria HMT di Mahkamah Tinggi Alor Star<sup>2</sup> ini menyentuh beberapa aspek berhubung dengan hak-hak di bawah bahagian mengenai Kebebasan Asasi di dalam Perlembagaan Persekutuan; khususnya pembicaraan berulang (*double jeopardy*) dan kebebasan beragama. Aspek-aspek ini menyentuh persoalan-persoalan di dalam undang-undang perlembagaan dan undang-undang pentadbiran. Bagaimanapun ulasan ini akan hanya menumpukan perhatian kepada aspek kebebasan beragama. Meskipun begitu fakta dan keputusan ini akan diperturunkan keseluruhannya supaya ulasan ini dapat ditempatkan di dalam konteksnya yang sebenar.

### **Konteks Penghakiman - Fakta dan Keputusan Mahkamah**

Kes ini berkisar kepada tindakan seorang kakitangan awam yang membawa kerajaan ke mahkamah ekoran daripada tindakan buang kerja yang diambil terhadapnya. Semua ini bermula dengan permohonan yang dibuat oleh Cif Inspektor

Zakaria Abdul Rahman, plaintif dalam kes ini, kepada pihak defendant, Ketua Polis Negara, bagi plaintif mengahwini seorang perempuan yang bernama Puziah Ariffin sebagai isteri plaintif yang kedua. Bagaimanapun permohonan itu ditolak dan defendant menasihatkannya supaya memutuskan perhubungannya dengan perempuan berkenaan. Plaintiff tidak mengendahkan amaran tersebut dan meneruskan perhubungannya dengan perempuan tersebut. Untuk itu plaintiff telah dihadapkan kepada pihak berkuasa disiplin atas tuduhan gagal mematuhi arahan pegawai atasannya. Plaintiff menerima keputusan yang diberikan oleh pihak berkuasa berkenaan serta hukuman yang dikenakan.

Meskipun demikian plaintiff kemudiannya mengahwini perempuan berkenaan dan ini menyebabkan plaintiff dihadapkan kepada pihak berkuasa disiplin sekali lagi. Dalam prosiding yang kedua ini plaintiff dikenakan dua tuduhan. Salah satu daripadanya ialah plaintiff meneruskan hubungannya dengan perempuan berkenaan manakala yang kedua pula ialah bahawa plaintiff, melalui tingkah lakunya, telah mencemarkan imej perkhidmatan awam.<sup>3</sup>

Plaintif mengemukakan tiga hujah dalam tindakan samannya di mahkamah. Yang pertama plaintiff mendakwa bahawa tindakan disiplin kedua itu dibuat berdasarkan kepada fakta yang sama dengan prosiding yang pertama di mana plaintiff telah dituduh, didapati bersalah dan dihukum. Plaintiff menghujah bahawa prosiding yang kedua bertentangan dengan Perkara 7(2) Perlembagaan Persekutuan<sup>4</sup> yang melarang perbicaraan berulang. Yang kedua plaintiff menghujah bahawa tuduhan yang dikemukakan oleh pihak berkuasa tatatertib itu tidak dapat dipertahankan kerana ia bertentangan dengan hak plaintiff di bawah Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan<sup>5</sup> yang menjamin hak kebebasan beragama. Yang ketiga plaintiff menghujah bahawa hukuman yang dikenakan oleh pihak defendant adalah keterlaluan.

Dalam penghakimannya, hakim yang bijaksana memutuskan bahawa hujah plaintiff yang berdasarkan kepada Perkara 7(2) Perlembagaan Persekutuan itu tidak dapat diterima kerana peruntukan tersebut tidak terpaku di dalam kes-kes yang melibatkan hal-hal disiplin. Menurut hakim yang bijaksana perkataan-perkataan dalam peruntukan berkenaan cukup jelas tentang isu tersebut. Ini telah diputuskan dalam kes *Mohamed Yusoff Samadi*<sup>6</sup> yang sering disebut dalam kes-kes di bawah peruntukan mengenai perbicaraan berulang. Meskipun demikian permohonan plaintiff supaya mahkamah mengisyiharkan perintah buang kerja itu tidak sah adalah berjaya. Hakim yang bijaksana membenarkan permohonan ini kerana dua tuduhan yang dikemukakan terhadap plaintiff bertentangan dengan peruntukan perlembagaan. Yang menjadi masalah di sini ialah bahawa kedua-dua tuduhan tersebut adalah berdasarkan kepada fakta yang sama yakni perhubungan antara

plaintif dengan perempuan berkenaan. Hakim yang bijaksana memutuskan bahawa keadilan menuntut supaya hanya satu sahaja tuduhan dikenakan<sup>7</sup> ke atas plaintiff berdasarkan perhubungan dengan wanita tersebut. Berdasarkan prinsip yang diputuskan dalam kes *Harry Lee Wee*<sup>8</sup> hakim yang bijaksana memutuskan bahawa perintah buang kerja itu hendaklah diketepikan.

Mengenai hujah plaintiff tentang hak terhadap kebebasan beragama pula hakim yang bijaksana memutuskan bahawa kahwin poligami di kalangan lelaki Islam hanyalah sesuatu yang harus dan bukan merupakan satu kewajiban agama yang bersifat kemestian.<sup>9</sup> Dengan demikian tidaklah salah, putus hakim yang bijaksana lagi, sekiranya pihak berkuasa disiplin pasukan polis mengkehendaki anggota-anggota polis seperti plaintiff memohon kebenaran sebelum mereka berkahwin lagi. Dengan demikian hakim yang bijaksana menolak permohonan plaintiff di atas alasan Perkara 11(1).

Mengenai hujah plaintiff bahawa hukuman yang dikenakan oleh defendant adalah keterlaluan dan melampau, hakim yang bijaksana merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ng Hock Cheng*<sup>10</sup> yang memutuskan bahawa mahkamah tidak harus mengambil alih kuasa eksekutif dalam hal-hal berkenaan.<sup>11</sup> Meskipun demikian alasan yang dikemukakan melalui hujah pertama plaintiff sudah cukup untuk mengisyiharkan bahawa perintah buang kerja yang dihukumkan ke atas plaintiff sebagai tidak sah. Plaintiff dengan demikian diperintahkan diletakkan semula kepada kedudukannya yang asal dalam pasukan polis di samping dibayar kos guamannya oleh pihak defendant.

### **Poligami dan Hak Kebebasan Beragama di Bawah Perlembagaan Persekutuan**

Isu ini perlu dibincangkan dengan lebih lanjut kerana kes ini merupakan antara kes yang membuat keputusan yang implikasinya agak besar terhadap ruang lingkup peruntukan mengenai kebebasan beragama di dalam perlembagaan;<sup>12</sup> terutamanya di kalangan umat Islam. Sebelum ini mahkamah telah membuat keputusan yang temanya sama dalam kes *Hjh Halimatussaadiah*<sup>13</sup> di mana seorang kakitangan awam telah dibuang kerja ekoran keengganannya mematuhi pekeliling perkhidmatan yang melarang mereka memakai tutup muka sewaktu bertugas. Dalam *Hjh Halimatussaadiah* mahkamah menolak permohonan kakitangan awam tersebut. Bagaimanapun di tengah-tengah kes-kes yang sedemikian alirannya kita terjumpa satu penghakiman mahkamah tinggi dalam *Meor Atiqubrahim*,<sup>14</sup> yang meskipun lebih merupakan satu keputusan yang bertunjang kepada peruntukan mengenai Islam sebagai agama persekutuan,<sup>15</sup> tetapi telah menjunjung kedudukan Islam khususnya dalam konteks kebebasan beragama.<sup>16</sup> Dalam kes ini mahkamah

memutuskan bahawa tindakan buang sekolah yang diambil ke atas beberapa orang murid yang bertegas memakai serban (setelah diarahkan menanggalkannya) sebagai tidak sah.

Penghakiman dalam *Zakaria Abdul Rahman* jelas mengikuti aliran yang ditunjukkan di dalam *Hjh Halimatussaadiah* dan tidak mengambil jalan yang diperlihatkan dalam *Meor Atiqulrahman*. Sayangnya hakim yang bijaksana dalam *Zakaria Abdul Rahman* tidak memberikan ulasan terhadap kedua-dua kes berkenaan. Ini agak dikesalkan kerana beliau membuat satu penghakiman yang penting mengenai isu hak kebebasan beragama di bawah Perlembagaan Persekutuan yang ditangani oleh kedua-dua kes yang terdahulu itu. Ini mungkin kerana kedua-dua peguam yang mewakili plaintif dan defendant gagal berbuat demikian.

Hakim yang bijaksana adalah benar apabila beliau mengatakan bahawa dalam Islam poligami adalah satu keharusan dan bukan kewajipan.<sup>17</sup> Tetapi sukar untuk menerima bahawa adalah sesuatu yang secara dasarnya tidak salah bagi pihak berkuasa mengenakan sekatan ke atas amalan poligami<sup>18</sup> yang hukumnya harus itu. Memang benar kuasa pihak yang berkenaan bukan untuk menyekat poligami. Tetapi tidakkah benar bahawa apabila pihak berkenaan diberi kuasa untuk memberi kelulusan berpoligami ertiinya pihak berkenaan juga boleh menghalang atau tidak membenarkan poligami? Tidakkah ini bermakna menyekat satu amalan atau hak yang diharuskan oleh Islam?

Di dalam kes *Hjh Halimatussaadiah* alasan yang sama juga diberikan oleh mahkamah: bahawa menutup muka tidak wajib bagi wanita muslim. Tetapi tidakkah mahkamah sedar bahawa menutup muka juga tidak haram bahkan diharuskan? Mengenakan sekatan ke atas perbuatan yang diharuskan oleh Islam boleh dianggap sebagai penafian. Apabila ada sekatan bermakna tidak ada kebebasan. Apabila sesuatu amalan itu dikenakan pelbagai sekatan maka ini bermakna bahawa kebebasan yang dijamin oleh perlembagaan tadi sudah dikurangkan dan ini boleh dianggap bertentangan dengan ketentuan perlembagaan.

Walaupun perlembagaan tidak menjamin kebebasan beragama itu sebagai sesuatu yang mutlak<sup>19</sup> ia menetapkan beberapa alasan yang mungkin boleh digunakan sebagai alasan untuk menghadkan hak kebebasan beragama.<sup>20</sup> Bagaimanapun penghakiman dalam *Zakaria Abdul Rahman* tidak merujuk kepada peruntukan berkenaan. Sepatutnya hakim yang bijaksana merujuk kepada peruntukan perlembagaan dan bukan autoriti pihak berkuasa polis dalam memutuskan bahawa syarat mendapat keizinan sebelum berkahwin lagi itu tidak bertentangan dengan hak kebebasan beragam di sisi perlembagaan.

## **Penutup**

Penghakiman dalam *Zakaria Abdul Rahman* tidak secara langsung telah meneruskan aliran yang implikasi menyekat hak orang Islam untuk mengamalkan sesuatu yang diharuskan oleh Islam. Ini mungkin tidak disedari oleh hakim yang bijaksana. Cuma apa yang berbeza dalam *Hjh Halimatussaadiyah* ialah bahawa kakitangan awam berkenaan terpaksa menderita dibuang kerja sedangkan dalam *Zakaria Abdul Rahman* ini tidak berlaku. Ini kerana dalam *Zakaria Abdul Rahman* pihak plaintiff mempunyai alasan lain untuk mempersoalkan tindakan buang kerja yang dikenakan ke atasnya. Meskipun begitu sikap yang ditunjukkan oleh mahkamah terhadap sekatan terhadap sesuatu yang diharuskan oleh Islam sama di dalam kedua-dua kes ini. Setakat ini hanya kes *Meor Atiqulrahman* yang menunjukkan pendekatan yang lebih sesuai dengan kehendak dan semangat Islam.

Bagaimanapun dilihat dari sudut umat Islam kes *Zakaria Abdul Rahman* bukanlah kes yang baik. Antara yang boleh dibangkitkan ialah apakah pihak berkuasa dalam pasukan polis merupakan pihak yang sesuai diberikan autoriti untuk memberi kebenaran berpoligami. Walaupun Islam mengharuskan kuasa yang sedemikian adalah dihujahkan di sini bahawa autoriti yang sedemikian harus diletakkan di tangan mahkamah syariah atau pihak yang mempunyai wibawa dalam bidang syariah. Kuasa sedemikian mungkin tidak perlu kerana selain soal kelayakan iktisas dalam bidang pengajian Islam orang-orang Islam di dalam pasukan polis juga tertakluk kepada bidang kuasa pihak-pihak berkuasa agama Islam termasuk mahkamah syariah. Kes ini boleh dijadikan pembuka mata ke arah perubahan yang lebih sesuai dengan kehendak dan ajaran Islam.

## Nota Hujung

1. [2001] 6 CLJ 273.
2. Civil Suit No 21-04-97 bertarikh 22 April 2001.
3. Tindakan ini diambil di bawah Police Officers (Conduct and Discipline) (Chapter "D") General Order 1980 ("GOD").
4. Peruntukan ini berbunyi "Seseorang yang telah dibebaskan daripada sesuatu kesalahan atau disabitkan sesuatu kesalahan tidak boleh dibicarakan semula kerana kesalahan itu juga kecuali jika sabitan atau pembebasan itu telah dibatalkan dan pembicaraan semula diperintah oleh suatu mahkamah yang lebih tinggi daripada mahkamah yang telah membebas atau mensabitkannya."
5. Peruntukan ini berbunyi, "Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkan ugamanya". Fasal (4) ialah peruntukan yang mengharuskan undang-undang dibuat bagi menyekat penyebaran agama selain Islam kepada orang-orang Islam.
6. *Mohamed Yusoff Samadi v Attorney-General* [1975] 1 MLJ 1.
7. *Zakaria Abdul Rahman*, [2001] 6 CLJ 273, 282b.
8. *Harry Lee Wee v Law Society of Singapore* [1985] 1 MLJ 1.
9. *Zakaria Abdul Rahman*, [2001] 6 CLJ 273, 283 b & c.
10. *Ng Hock Cheng v Pengarah Am Penjara & Ors* [1998] 1 CLJ 405.
11. Lihat komen hakim yang bijaksana terhadap kes-kes yang sebelumnya: *Tan Tek Seng v Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor* [1996] 2 CLJ 771 dan *Ekanbaram a/l Savrimuthu v Ketua Polis Daerah Melaka Tengah* [1997] 2 MLJ 454; lihat *Zakaria Abdul Rahman* [2001] 6 CLJ 273, 283-84.
12. Untuk tinjauan ringkas mengenai kebebasan beragama di bawah Perlembagaan Persekutuan lihat Abdul Aziz Bari, 'Murtad dalam konteks Kebebasan Beragama di Malaysia' *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, Jil.3, 1999, pp. 54-70.
13. *Hjh Halimatussaadiah bte Hj Kamaruddin v Public Services Commission, Malaysia & Anor* [1994] 3 MLJ 61. Lihat juga ulasan terhadap kes ini dalam Zainur Zakaria, "Religious Freedom - Right to wear Purdah" [1993] 3 MLJ xxv.
14. *Meor Atiqulrahman bin Ishak & Ors v Fatimah bte Sihi & Ors* [2000] 5 MLJ 375
15. Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan menyebut "Ugama Islam ialah ugama bagi Persekutuan; tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan."
16. Lihat Abdul Aziz Bari, "Islam in the Federal Constitution - A Commentary on the decision of *Meor Atiqulrahman*" [2000] 2 MLJ cxxix.
17. *Zakaria Abdul Rahman*, [2001] 6 CLJ 273, 282-83 di mana beliau merujuk kepada ulasan oleh A. Yusuf Ali terhadap ayat al-Qur'an yang mengharuskan poligami.

18. Hakim yang bijaksana menyatakan bahawa “....I don't think it is fundamentally wrong for the disciplinary authority to require any member of the police force to obtain prior permission from his superior officer before entering into a polygamous marriage. Such a condition could not in my view be construed as infringing the constitutional guarantee to profess and practise his religion as contained in art. 11(1) of the Federal Constitution”: [2001] 6 CLJ 273, 283 c-d.
19. Lihat keputusan dalam kes *Minister of Home Affairs v Jamaluddin bin Othman* [1989] 1 MLJ 368 & 418 yang menekankan peruntukan berkenaan. Bagaimanapun kes ini semacam menganggap penyebaran agama Kristian di kalangan orang-orang Melayu yang menjadi sebab mengapa defendant di tahan di bawah Akta Keselamatan dalam Negeri 1960 sebagai sesuatu yang dirangkumi oleh peruntukan itu.
20. Lihat Perlembagaan Persekutuan, Perkara 11(5): “Perkara ini tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan undang-undang am mengenai ketenteraman awam, kesihatan awam atau akhlak.”